

**Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5**  
**Tarikh : 9 Mei 2025**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 17/2025**

Semua Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PENAWARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2024/2025**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pendaftaran Kursus Semester 3 Sesi Akademik 2024/2025 akan dibuka kepada pelajar mulai **26 Mei 2025 hingga 1 Jun 2025** dan perkuliahan akan bermula pada **21 Julai 2025 hingga 7 September 2025**. Sehubungan itu, bagi Fakulti/Pusat yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester 3 Sesi Akademik 2024/2025 adalah diminta **memasukkan maklumat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** mulai **12 hingga 18 Mei 2025**. Pihak Fakulti/Pusat perlu mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Sekiranya terdapat kursus yang diajar oleh pensyarah luar UKM, **nama pensyarah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan.
- ii. Jumlah had pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan tepat berdasarkan jumlah had pelajar yang dipersetujui oleh pensyarah untuk mengikuti kelas.
- iii. Set kursus mengikut Taraf Kursus Fakulti/Program/Tahap Pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah.
- iv. **Penawaran kursus bagi pelajar diambil di bawah Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape) hanya ditetapkan kepada dua (2) sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar Bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara)**. Oleh itu, pentapan set dan had pelajar perlu diselaraskan dengan mengambil kira bilangan pelajar bagi kedua-dua tahap tersebut.
- v. Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan akhir semester.



3. Sebarang pertanyaan, pihak Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung:

- i. **Prasiswazah** : Puan Huda Hela Ladin di talian 03-89118451 atau menerusi e-mel: [hudahela@ukm.edu.my](mailto:hudahela@ukm.edu.my)
- ii. **Pascasiswazah** : Puan Zaimi Makhtar di talian 03-89118388 atau menerusi e-mel: [zaimi@ukm.edu.my](mailto:zaimi@ukm.edu.my)

Sekian, perhatian dan kerjasama pihak Fakulti/Institut/Pusat berhubung perkara di atas diucapkan terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
  - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
  - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
  - Ketua Pentadbiran, Fakulti/Institut/Pusat
  - Semua Pegawai Tadbir Prasiswazah dan Pascasiswazah Fakulti/Institut/Pusat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)